

Syurga Atau Neraka K12 Johan FESTIK 2011



Kolej 12 berjaya menjuarai pertandingan Festival Teater Interkolej (FESTIK) 2011.

SERDANG, 28 Feb.– Teater berjudul ‘Syurga atau Neraka’ yang diwakili oleh Kolej 12 berjaya menjuarai pertandingan Festival Teater Interkolej (FESTIK) 2011, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Kolej 12 turut memenangi dua anugerah iaitu Arahan/Adaptasi Nizam Shah Che Udat dan Pembantu Pelakon Lelaki Terbaik, Muhd Fakri Izzat.

“Saingan dari Kolej Keenam dan Kolej Pendeta Za’ba agak hebat. Ternyata persiapan dan latihan yang telah kami adakan setiap hari selepas waktu kelas berbaloi,” kata pelajar semester akhir, program Bachelo Pengajian Pendidikan (TESL), Fakulti Pengajian Pendidikan UPM.



Nizam Shah (kanan) memenangi anugerah Arahan/Adaptasi Terbaik.

“Teater ini mengisahkan bagaimana lima mayat yang mati dalam keadaan mengerikan bertemu sesama mereka dengan berkongsi saat kematian serta menginsafi perkara yang lalu.

Teater sempena Maulidur Rasul 1432 Hijrah, memberi pengajaran dan iktibar kepada semua umat manusia untuk tidak melakukan kejahatan dan kembali kepada jalan yang benar sebelum terlambat.



Pengerusi Jemaah Pengetua, Tuan Syed Agil Alsagoff (kiri) turut menyampaikan anugerah kepada para pemenang.

Naib johan dimenangi oleh Kolej Pendeta Za'ba yang membawa teater 'Kalut sementara Kolej Keenam di tempat ketiga dengan teater 'Sidang Kecil'.

FESTIK yang masuk tahun keenam penganjuran di bawah kelolaan Kelab Penggiat Teater Sejagat (PENTAS) menawarkan 17 anugerah kepada 16 kumpulan dalam majlis yang dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UPM, Prof. Dr. Mohd Fauzi bin Hj. Ramlan.



Antara pelajar yang mempamerkan pakaian yang unik pada malam tersebut.



Antara persembahan pelajar pada malam Festik2011.

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.
(Mohd Faisal Md Noor), 03-89467469.**

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia